

SOALAN NO: 101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]
TARIKH
SOALAN : 101**

**YB DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU] MINTA MENTERI
KESIHATAN MENYATAKAN :-**

- (a) setakat ini, berapa ramaikah murid lulusan Sarjana Perubatan yang gagal mengikuti program 'housemanship' kerana tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seperti mana yang disyaratkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh para graduan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan dua (2) soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan syarat kelulusan Bahasa Melayu untuk pelantikan Pegawai Perubatan kontrak iaitu pertanyaan daripada:

- i. **TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] MINTA MENTERI
KESIHATAN** menyatakan adakah kelayakan seorang doktor

di hospital Kerajaan hanya perlu lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) di peringkat SPM dan boleh mengambil satu mata pelajaran BM dalam peringkat SPM.

- ii. **DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**
MINTA MENTERI KESIHATAN menyatakan kenapa syarat Bahasa Malaysia untuk perjawatan doktor dilonggarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan, di mana akhir-akhir ini sedang hangat diperbincangkan dan diperdebatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu kelulusan Bahasa Melayu telah pun selesai ditangani oleh Kerajaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2017 yang memutuskan bahawa:

- (1) kelonggaran syarat kelayakan Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah ditarik balik dan kekal sepertimana yang diperuntukkan dalam syarat skim perkhidmatan Pegawai Perubatan; dan
- (2) Keputusan ini termasuk juga bagi urusan pelantikan Pegawai Perubatan kontrak Gred UD41.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini Kementerian memohon pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu ini bagi tujuan untuk membolehkan graduan perubatan melaksanakan latihan siswazah sebagaimana keperluan Akta Perubatan 1971.

Di bawah Seksyen 13(2), Akta Perubatan 1971 telah ditetapkan bahawa seseorang graduan perubatan yang diberi Pendaftaran Sementara oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bagi tujuan menjalani dan melengkapkan *housemanship*. Pada masa ini latihan *housemanship* dilaksanakan selama 2 tahun dan hanya boleh dilaksanakan di Hospital Kerajaan sahaja sebelum boleh diberi Pendaftaran Penuh sebagai Pegawai Perubatan terlatih.

Sementara itu, di bawah Seksyen 40, Akta Perubatan 1971 turut menetapkan bahawa Pegawai Perubatan perlu menjalani perkhidmatan wajib selama 2 tahun setelah diberi Pendaftaran Penuh bagi membolehkan mereka mengamal sebagai doktor perubatan di Malaysia sama ada di sektor awam atau swasta.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang prihatin akan keperluan untuk memastikan semua pelantikan pegawai awam termasuk Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) perlu memenuhi syarat pelantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan sedia ada. Ini termasuk syarat lulus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara ini termaktub dalam Peraturan 5, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2012. Kelulusan Bahasa Melayu peringkat SPM adalah syarat bagi pelantikan tetap ke jawatan Pegawai Perubatan di mana ia telah dikuatkuasakan semula mulai 1 Januari 2017.

Selain itu, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) juga telah mensyaratkan hanya calon yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 5B (dalam subjek Biologi, Kimia, Fizik, Matematik/Matematik tambahan dan satu

subjek lain) di dalam peperiksaan peringkat SPM sebagai kelayakan kemasukan ke Program Perubatan. Namun, KKM hanya dapat mengawal kemasukan pelajar Perubatan di dalam negara sahaja dengan mempunyai syarat kelayakan yang ditetapkan ke Program Perubatan dan tidak dapat mengawal kemasukan pelajar perubatan ke Program Perubatan luar negara.

Mengambil kira keperluan graduan perubatan perlu menjalani siswazah, sebelum boleh dipertimbangkan Pendaftaran Penuh, maka pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM telah diberi kepada graduan berkenaan hanya bagi tujuan lantikan kontrak sahaja. Walau bagaimanapun, bagi tujuan lantikan tetap, mereka perlu lulus Bahasa Melayu.

Pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan di KKM dilaksanakan mulai 5 Disember 2016. Sehingga 17 Julai 2017, seramai 4,604 graduan Perubatan dari IPTA dan IPTS dari dalam dan luar negara telahpun dilantik. Hanya 7 graduan perubatan tidak mempunyai kelulusan Bahasa Melayu di peringkat SPM telahpun dilantik. Manakala, 16 graduan lagi telah berdaftar dengan SPA dan urusan pelantikan mereka dijangkakan pada masa akan datang selepas mereka memenuhi syarat lulus Bahasa Melayu.